

REFLEKSI KAJIAN KES

KURSUS: FALSAFAH DAN ISU SEMASA (UHS1022)

NAMA PELAJAR: NUR ALEEYA SYAKILA BINTI MUHAMAD SUBIAN

NO. MATRIK: A19ECO127

SEKSYEN: 42

NAMA PENSYARAH: DR. AHMAD MUHYUDDIN BIN HASSAN



1. ULASAN RINGKAS TERHADAP KAJIAN KES:

Kumpulan saya iaitu kumpulan 2 telah ditugaskan untuk membuat kajian tentang ketagihan permainan video. Isu permainan video ini sememangnya sangat berkait rapat dengan orang muda tidak kira kanak-kanak mahupun remaja serta dewasa yang dianggarkan berumur 20 hingga 30 tahun. Ketagihan terhadap permainan video ini bermula apabila kanak-kanak dibiarkan bermain gajet yang mempunyai permainan video namun tidak diawasi oleh ibu bapa. Mengikut kajian yang dilakukan, sememangnya orang yang bermain permainan video ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan dan mengisi masa lapang mereka namun, apabila ia tidak mempunyai had masa untuk bermain, maka terjadi lah isu ketagihan permainan video.

2. KEBAIKAN / MANFAAT DARIPADA KAJIAN KES:

Kebaikan yang saya peroleh setelah melakukan kajian ini, saya dapat menambah pengetahuan tentang isu ini iaitu walaupun permainan video ada juga dapat memberikan kesan positif kepada pemain, iaitu tekanan dapat dikurangkan. Namun, keburukan ketagihan permainan video ini lagi banyak dan membimbangkan. Saya sedar dengan jelas bahawa ketagihan permainan video ini hanya memudaratkan masa depan anak anak jika dibiarkan. Setelah melakukan kajian ini, saya juga sedar bahawa isu ini boleh dikawal dengan ibu bapa mengawal dan menyekat masa penggunaan gajet bagi anak-anak mereka supaya dapat mendisiplinkan anak mereka.

3. UCAPAN PENGHARGAAN TERIMA KASIH

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terhadap pensyarah saya iaitu Dr Ahmad Muhyuddin kerana beliau sangat bersemangat tinggi dan tidak berputus asa untuk menjalankan kelas walaupun di atas talian. Beliau selalu memudahkan kerja kami dan memberi kami masa dan ruang yang sesuai untuk melaksanakan segala tugas. Segala tugas seperti pembentangan iklan falasi dan kajian isu semasa telah dipermudahkan oleh beliau lalu kami merasa sangat gembira dan tidak rasa terbeban langsung di dalam kelas beliau. Kemudian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli kumpulan saya iaitu Ahmad Zulhakim, SaharulNizam, Lee Tong Ming, Azriana, Nor Hafiyzha dan Nur Hadirah Munawarah kerana telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang melaksanakan tugas. Semua orang sudi memberi idea dan saling bertukar idea dalam melaksanakan tugas.